

18 JUL 2000

Kontraktor

K'JAAN AKAN TIMBANG ALASAN KONTRAKTOR YANG GAGAL SIAP PROJEK

KUANTAN, 18 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menimbang alasan yang diberikan kontraktor berhubung projek yang gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia hari ini.

Beliau berkata kerajaan tidak sewenang-wenangnya menarik balik kontrak yang diberikan tanpa berunding terlebih dahulu mengenai masalah yang dihadapi mereka.

"Sekiranya alasan tidak munasabah diberikan dan kelalaian kontraktor itu serta tidak ada usaha tertentu dibuat pihak mereka untuk mengatasinya maka kita tidak akan teragak-agak untuk menarik balik kontrak dan akan diberikan kepada kontraktor lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat tiga projek di bawah pembiayaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu Masjid Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, projek perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan dan projek perumahan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), di sini.

Amin memberikan contoh mengenai kontrak seorang kontraktor yang gagal menyiapkan projek Mahkamah di Wilayah Persekutuan Labuan telah ditarik balik setelah didapati kontraktor itu tidak lagi berminat dan tidak berkemampuan meneruskan projek itu.

Antara alasan diberikan kontraktor kepada beliau semasa lawatannya ke Sabah baru-baru ini ialah kekurangan buruh, kurang bekalan bahan binaan, tuan tanah tidak membenarkan tanah mereka dilalui dan faktor cuaca, katanya.

Mengenai lawatan hari ini, beliau berkata ia adalah arahan dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua menteri perlu mengetahui keadaan sebenar dan turun padang dan tidak sekadar menerima laporan sahaja.

Katanya, ekoran kegawatan ekonomi yang melanda negara dua tahun lepas, arahan itu berterusan dan setiap dua minggu JPM akan memantau projek yang dibiayainya.

Mengenai projek perumahan PDRM IPD Kuantan yang tertangguh dua kali sejak Oktober 1999 beliau berkata alasan kontraktor terbabit sukar mendapatkan pinjaman bank wajar ditimbang berikutan kegawatan ekonomi.

"Kita (Kerajaan) tak mahu salahkan semuanya kepada kontraktor. Kita juga kena tengok sama ada kelewatan itu disebabkan pegawai tertentu yang 'strictly goes by the book' yang sepatutnya tidak," kata beliau.

Katanya, budi bicara perlu digunakan asalkan tidak menyeleweng bagi menjamin kerjasama dengan pihak swasta untuk pembangunan negara yang selama ini berjalan lancar.

-- BERNAMA

SHS RHM